

Aktiviti pengeluaran pemegang unit PNB stabil

Permodalan Nasional Bhd (PNB) tidak melihat berlaku pengeluaran secara besar-besaran tabungan oleh pemegang unitnya meskipun berdepan persekitaran ekonomi yang mencabar dicetuskan penularan COVID-19, kata Pengerusi Kumpulannya, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Beliau berkata, aktiviti pengeluaran dalam kalangan pemegang unit amanahnya kekal stabil dan tidak berlaku perkara yang keterlaluan.

“Dari masa ke masa, kami melihat beberapa pengeluaran, tetapi ia kekal stabil bagi kami,” katanya pada sidang media secara maya selepas majlis perasmian Minggu Saham Digital (MSD), semalam.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn, berkata pihaknya sangat gembira bahawa walaupun dalam keadaan ekono-

mi yang sukar dan impak negatif penularan COVID-19, syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia itu tidak melihat perbezaan corak aliran bagaimana orang melabur.

Beliau berkata, keadaan itu sekali gus membuktikan bagaimana PNB menjalankan perniagaan dan bagaimana orang ramai menerimanya.

“Dana PNB adalah untuk pelaburan serta simpanan jangka panjang dan kami tidak melihat sebarang perubahan corak aliran tahun ini,” katanya.

Mengenai pelaburan luar negara, Zeti berkata, pelaburan luar negara adalah antara sebahagian objektif PNB untuk mempelbagaikan pelaburannya dan strategi itu sangat baik untuk pengurusan dana itu.

Beliau berkata, rancangan mempelbagaikan pelaburan bukan sahaja membabitkan pasa-

ran luar negara, tetapi pasaran domestik dengan PNB mempelbagaikan ke dalam kelas aset lain dan ia membuahkan hasil.

Katanya, PNB akan terus meningkatkan portfolio antarabangsa, tetapi ia akan dilakukan beransur-ansur dan bertanggungjawab serta berhati-hati memandangkan pasaran sangat tidak stabil dan tidak dapat dijangka.

“Kepelbagaian ke dalam pasaran kewangan antarabangsa dan pelaburan sentiasa memberi pulangan kepada kami. Namun, kami perlu bertanggungjawab dalam melakukannya.

“Kami

sudah melakukannya beransur-ansur dan berperingkat.

“Kami mempunyai penilaian dan penilaian yang sangat ketat terhadap pelaburan ini dan ia melalui pelbagai peringkat yang mana cadangan itu dicabar sebelum dimasukkan ke dalam pelaburan kami,” katanya.

